



## “BERWAKAFLAH UNTUK KESEJAHTERAAN AKHIRAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَنْ تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا  
تُحِبُّونَ<sup>ج</sup> وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ  
عَلِيمٌ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بَتَقْوَى اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
الَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan juga tuan-tuan sekalian marilah kita bertakwa kepada Allah Taala dengan sebenar-benar takwa didalam semua tindakan dan perlakuan kita disamping bersabar atas apa juarintangan dan cabaran yang mendatang.

Tajuk khutbah pada hari ini bertajuk "**BERWAKAFLAH UNTUK KESEJAHTERAAN AKHIRAT**"

## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Sebagai seorang Islam kita tidak sepatutnya sompong dan berbangga terhadap harta yang dimiliki ,kerana dikhawatir bakal mungundang bala dari Allah SWT seperti Qarun yang tenggelam bersama harta-harta nya. Pengajaran ini mestilah diambil berat agar kita lebih bertanggungjawab dalam menguruskan harta yang merupakan ujian dan amanah daripada Allah SWT.

Firman Allah dalam surah Al-kahfi ayat 46:

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الْدُّنْيَا وَالْبِقِيرَاتُ  
الصَّلِحَاتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَخَيْرٌ أَمَلًا

"Harta dan anak pinak adalah perhiasan kehidupan didunia ,tetapi amalan yang kekal lagi soleh adalah lebih baik pahalanya disisi tuhan mu serta lebih baik untuk menjadi harapan".



Di dalam zaman moden ini ramai di kalangan Ummat Islam lalai, alpa dan sibuk mencari harta kekayaan dunia tetapi lupa untuk menyediakan bekalam ke alam akhirat sehingga berlakunya perselisihan faham antara adik-beradik dalam merebut harta pusaka yang ditinggalkan ibubapa mereka. Mereka merasakan bahawa harta tersebut adalah milik mutlak mereka hingga terlupa untuk melakukan jariah untuk ayahbonda yang telah meninggal dunia .

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Hadis daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ؛  
صَدَقَةً جَارِيَةً، أَوْ عِلْمًا يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدًا صَالِحًا  
يَدْعُونَ لَهُ.

“Apabila mati seseorang anak adam itu maka terputuslah amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan soleh yang mendoakan baginya”.  
(Riwayat Muslim)

Melalui hadith ini dapatlah difahami bahawa antara amalan yang menjamin kebajikan (pahala) yang berkekalan dan mengalir ke akhirat adalah sedekah jariah termasuk melalui wakaf.

Wakaf adalah satu amalan yang sangat digalakkan dalam Islam iaitu harta yang diserahkan untuk kegunaan manfaat umum masyarakat dengan



tujuan semata-mata mendekatkan diri kepada Allah seperti mewakafkan tanah, rumah, bangunan, kendaraan dan juga wang ringgit.

Sejak dahulu lagi berwakaf merupakan sedekah jariah yang sangat penting untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat yang menjanjikan pahala berterusan kepada orang yang berwakaf sama ada masih hidup ataupun telah meninggal dunia.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Sejarah telah membuktikan bahawa terbinanya masjid pertama di Quba' adalah melalui usaha-usaha wakaf. Begitu juga Masjid Nabawi di Madinah adalah juga dibina diatas tanah wakaf. Saidina Umar Al-Khattab telah mewakafkan 100 bahagian tanah di Khaibar untuk kegunaan umat Islam .

Begitu juga Saidina Othman mewakafkan sebuah perigi yang dinamakan dengan Telaga Rumah . Sahabat-sahabat Rasullullah S.A.W juga tidak ketinggalan dalam mewakafkan alat-alat senjata dan kuda perang untuk tujuan berjihad di jalan Allah .

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Pada hari ini Mais melalui Perbadanan Wakaf Selangor telah mengorak langkah memberi kemudahan kepada umat Islam di negeri ini untuk sama-sama mendekatkan diri kepada Allah dengan amalan berwakaf menggunakan saham wakaf Selangor(SWS) iaitu berwakaf secara bayaran wang tunai dengan membeli unit-unit saham berharga minimum RM10 seunit dan di tukarkan menjadi aset-aset kekal bagi kegunaan manfaat umum. Wakaf ini lebih dikenali sebagai wakaf Am atau Umum.



Apabila terkumpulnya dana wakaf ini maka secara langsung umat Islam Selangor dapat meninggikan syiar dan ekonomi umat Islam. Antara contoh harta wakaf yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Wakaf Selangor dari segi Pendidikan adalah dengan menyumbang barang-barang keperluan peralatan belajar ke Sekolah Maahad Tahfiz di Sabak Bernam. Bagi kesihatan pula, PWS telah menghantar alat-alat bantuan kesihatan ke hospital Sungai Buluh dan kenderaan klinik bergerak.

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Saham wakaf Selangor ini adalah terbuka kepada seluruh umat Islam. Penyertaan juga diterima dari wakil individu yang telah meninggal dunia mahupun yang masih hidup sebagai sumbangan jariah .

Sesungguhnya persiapan akhirat kita adalah lebih utama berbanding kehidupan dunia yang fana' ini, Nasib kita didunia dan akhirat adalah tertanggung dibawah tanggungjawab kita sendiri.

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلٍ حَبَّةٍ  
أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مِائَةً حَبَّةً وَاللَّهُ  
يُضَعِّفُ لِمَنِ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ  
٣٦١

"Perumpamaan (derma atau nafkah) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah seperti sebiji benih yang menumbuhkan tujuh batang tangkai; setiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Allah



*melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah Maha Luas (kurnia-Nya), lagi Maha Mengetahui".*

### **Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,**

Amalan menyerahkan harta pada jalan Allah adalah amalan yang sangat di galakkan oleh Islam. Sesungguhnya iman kita mungkin tidak sehebat para sahabat yang boleh memberi keseluruhan harta kita seperti Saidina Abu Bakar As-Siddiq, yang menyerahkan seluruh hartanya pada jalan Allah.

Apabila ditanya oleh Rasulullah s.a.w apa yang tinggal kepadanya, lantas ia menjawab dengan tenang: "Allah dan Rasul-Nya".

Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 245:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَعِّفَهُ اللَّهُ أَضْعَافًا كَثِيرًا وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ



**تُرْجَعُونَ**

*"Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (Ingatlah), Allah jualah yang menyempit dan yang meluaskan (pemberian rezeki), dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan".*



## Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Untuk keyakinan sidang jumaat sekalian , amalan berwakaf tidak pernah menjadikan seseorang itu miskin malahan bertambah dan bertambah hartanya seperti yang berlaku kepada Saidina Othman Ibnu Affan dan Saidina Abdul Rahman bin Auf yang masyhur sehingga ke hari ini bahawa perniagaan mereka mencatat keuntungan yang berlipat kali ganda.

Bersempena dengan bulan mesra industri yang dianjurkan oleh Perbadanan Wakaf Selangor pada bulan Oktober hingga Disember tahun ini, PWS mengajak seluruh warga kerja industri agar sama-sama berkongsi melakukan ibadah wakaf .Pada hari ini berbagai bentuk wakaf telah disediakan dengan bermacam bentuk kaedah dan salurannya.

Kita boleh berwakaf secara tunai melalui kaunter LZS, kaunter-kaunter bank muamalat yang menjadi agen Perbadanan Wakaf Selangor atau boleh secara online, boleh juga berwakaf emas yang dimiliki,wakaf hasil seni yang tidak bercanggah dengan syarak dan melabur sambil berwakaf.

Marilah kita membuka hati dan minda kita untuk melaksanakan amalan berwakaf ini bagi melaksanakan sunnah nabi dan sahabat-sahabatnya. Semoga dengan usaha berwakaf ini umat islam dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan masyarakat bukan Islam dari sudut sosio ekonominya.

Ayuh bangkitlah umat Islam dari lena yang panjang. Serahkan sebahagian harta kita untuk jalan Allah dengan berwakaf. Adakah kita tidak mahu melihat seperti mana Negara –negara umat Islam lain yang bangkit dengan dana wakaf.



Rebutlah peluang ini mudah-mudahan kita dapat bertemu dengan Allah di akhirat nanti sebagai umat yang dipermudahkan urusan timbangannya hasil daripada amalan sedekah jariah ketika hidup di dunia. Jangan sampai kita nanti termasuk dikalangan orang yang memohon untuk dihidupkan kembali kedunia kerana menyesal tidak melakukan amal kebaikan masa di dunia dahulu.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا أَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ  
يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا يَبْعَدُ فِيهِ وَلَا خُلْةٌ وَلَا شَفَعَةٌ وَالْكَافِرُونَ هُمْ  
الظَّالِمُونَ

202

“Wahai orang-orang yang beriman! Sebarkanlah sebahagian dari apa yang telah Kami berikan kepada kamu, sebelum tibanya hari (Kiamat) yang tidak ada jualbeli padanya, dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan syafaat. Dan orang-orang kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim”. (Al-Baqarah : 254)

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالدِّكْرِ



الْحَكِيمُ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ، لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَائِهَا الْذِينَ إِذَا مَنُوا صَلَوَا عَلَيْهِ  
وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ  
وَأَزْوَاجِهِ وَذْرِيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ



لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَا  
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ  
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعَظِيمَةِ أَنْ تَحْفَظَ  
بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،  
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ  
شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ  
سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .  
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَىَّةَ وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ  
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاغُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ  
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ



الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا  
ذَالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ。اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ  
لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالبِلَادِ، وَبِلْغْ مَقَاصِدَهُمَا  
لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ。

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuatkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka, lindungilah



golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَرْوَاحِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ  
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نَعْمَمِهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.